

Amalan Konsep Wakalah Pengurusan Zakat di Politeknik Ungku Omar

Ammar Badruddin Romli¹, Mohd Noor Daud², Roslan Che Ab Rahman³

^{1,2}Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,

³Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar

ABSTRAK

Institusi zakat telah merangka pelbagai dasar bagi meningkatkan kutipan dan memperkasa agihannya kepada asnaf. Namun, isu ketelusan dan kecekapan institusi zakat telah menyebabkan terdapat pembayar zakat lebih selesa membayar terus kepada asnaf. Pelaksanaan konsep wakalah pengurusan zakat dilihat satu strategi ampuh dalam mengembalikan semula kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat di samping memberi peluang kepada pihak lain untuk menguruskan sendiri zakat di peringkat mereka. Kajian ini bertujuan mengenal pasti amalan terbaik yang dilakukan oleh Politeknik Ungku Omar (PUO) setelah satu dekad mengamalkan konsep wakalah pengurusan zakat. Dapatkan kajian dikumpul melalui temu bual semi struktur dan tinjauan literatur. Manakala metod analisis data pula menggunakan pendekatan induktif. Kajian ini mendapati amalan konsep wakalah pengurusan zakat diaplikasikan dengan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kutipan zakat di PUO. Selain itu, prinsip asas agihan yang telah ditetapkan menjadi indikator utama bagi memastikan proses agihan adalah menepati syarak, telus dan berkesan. Seterusnya, kajian ini mencadangkan beberapa pendekatan yang perlu diambil bagi meningkatkan kualiti amalan konsep wakalah pengurusan zakat di PUO.

Kata Kunci: wakalah, zakat, pengajian tinggi, kutipan, agihan.

ABSTRACT

Zakat institutions have formulated various policies to increase collection and strengthen its distribution to asnaf. However, the issue of transparency and efficiency of zakat institutions has made zakat payers more comfortable paying directly to asnaf. The implementation of the wakalah concept of zakat management is seen as a powerful strategy in restoring the community's trust in the zakat institution as well as providing opportunities for others to manage zakat at their own level. This study aims to identify the best practices done by Ungku Omar Polytechnic (PUO) after a decade of practicing the concept of wakalah zakat management. Study findings were collected through semi -structured interviews and literature review. While the data analysis method uses an inductive approach. This study found that the practice of the concept of wakalah zakat management is applied with various initiatives to increase zakat collection in PUO. In addition, the basic principles of distribution set by PUO are the main indicators to ensure that the distribution process is in accordance with Islamic law, transparent and effective. Next, this study suggests several approaches that need to be taken to improve the quality of the wakalah zakat management in PUO.

Keywords: wakalah, zakat, higher education, collection, distribution.

1. PENDAHULUAN

Zakat merupakan ibadah utama yang telah difardukan ke atas umat Islam. Ibadah ini bukanlah sekadar urusan individu, tetapi melibatkan peranan pemerintah melalui fungsi baitulmal khususnya dalam urusan kutipan dan agihannya. Ijtihad Saidina Abu Bakar RA memerangi kumpulan yang enggan berzakat menunjukkan betapa pentingnya peranan pemerintah dalam mentadbir dan mengurus zakat umat Islam dengan sebaiknya.

Pentadbiran zakat di Malaysia disenaraikan dalam perlumbagaan persekutuan sebagai bidang kuasa negeri-negeri melalui fungsi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi mengutip dan

¹Corresponding author: brofat10@gmail.com

mengagihkannya kepada golongan yang telah ditetapkan syarak (Auni, 2012). Sepanjang lima dekad ini, institusi zakat negeri telah berdepan pelbagai cabaran dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pembayar zakat dan asnaf.

Pengurusan zakat yang telus dan cekap merupakan elemen utama yang membentuk kesejahteraan hidup para asnaf. Kewujudan isu yang membabitkan soal ketelusan dan kecekapan sedikit sebanyak telah mengikis kepercayaan pembayar zakat sehingga ramai yang berminat untuk membayar terus kepada asnaf (Sanep & Hairunnizam 2005; & Sanep et al. 2006). Akibatnya, ramai dalam kalangan pembayar zakat yang tidak memahami takrifan asnaf dengan merujuk anak-anak yatim juga sebagai asnaf. Malah tidak kurang juga terdapat institusi korporat menyerahkan zakat kepada rumah anak yatim bagi memenuhi tanggungjawab sosial kepada golongan berkenaan (Atiah & Hairunnizam, 2014; Ammar Badruddin & Mohd Noor, 2021). Perkara ini jelas bertentangan dengan hukum berkaitan jenis asnaf yang telah ditetapkan.

Bagi merungkai permasalahan ini, institusi zakat negeri telah memperkenalkan konsep wakalah dengan melantik pihak lain melakukan agihan kepada asnaf (Raja Muhd 'Azman & Muhamad Noor habibi, 2019). Usaha yang sejajar dengan aspirasi kerajaan melalui dasar *top-down* ini dilihat lebih berstrategi dan berkonsentrasi dalam membasmi kemiskinan (Katini & Rachel Chan, 2018). Hasilnya, pelaksanaan konsep ini telah menunjukkan kesan yang sangat positif terhadap pencapaian kutipan dan agihannya di Malaysia (Atiah & Hairunnizam, 2014).

2. KONSEP WAKALAH

Wakalah merupakan istilah bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *wakila* bererti wakil (Ibn Manzur, 1997). Ia membawa maksud seseorang yang meminta orang lain melakukan sesuatu urusan atau pekerjaan bagi dirinya sama ada melibatkan pengendalian harta, pembahagian harta pusaka, ejen jual beli, ejen perniagaan dan sebagainya (Majma' al-Lughah al-A'rabiyyah, 1985; Hailani dan Sanep, 2009).

Istilah wakalah dalam konteks syarak mengandungi pelbagai maksud. Al-Nawawi (2003) mentakrifkan wakalah sebagai kerja yang diwakilkan kepada orang lain dengan lafadz tertentu untuk dilaksanakan semasa hidupnya. Menurut ulama Hanafi, wakalah ialah menyerahkan tugas kepada pihak lain untuk melakukan pekerjaan yang diharuskan syarak atau mewakilkan seseorang untuk menyerahkan dan menjaga sesuatu (al-Zuhaili, 1995). Ulama Maliki, Shafie dan Hanbali pula mendefinisikan wakalah sebagai perbuatan seseorang mewakilkan orang lain untuk melakukan sesuatu tugas yang boleh dilakukan semasa hayatnya (al-Zuhaili, 1995). Konsep ini berbeza dengan wasiat yang mengkehendaki perbuatan yang diwakilkan untuk dilakukan selepas kematian orang yang mewakilkannya (al-Jaziri, 2001). Maka dapatlah disimpulkan bahawa wakalah bermaksud menyerahkan tugas kepada seseorang untuk menjadi wakil bagi menjalankan urusan atau pekerjaan yang diharuskan syarak sama ada dengan bayaran yang telah ditentukan atau tidak berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak.

Wakalah merupakan konsep umum yang digunakan untuk menyelesaikan masalah serta meringankan urusan manusia akibat kekangan dan keterbatasan masa, jarak dan keupayaan mereka. Oleh itu, Islam telah mengharuskan pelaksanaan wakalah ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Kahf, ayat ke 19 yang bermaksud:

Dan demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya bertanya-tanyaan sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (Sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih mengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian

hendaklah dia membawa kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlembut-lembut dan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapapun menyedari akan hal kamu.

(Al-Quran, Surah al-Kahf: 19)

Ayat ini mengisahkan sekumpulan pemuda ashabul Kahf yang memilih dan mewakilkan salah seorang dalam kalangan mereka untuk membeli makanan di kota selepas dibangkitkan daripada tidur yang panjang (al-Maraghiy, 2001). Seumpama wakil tersebut yang diminta berhati-hati serta tidak memberitahu perihal dirinya ketika membeli makanan, ayat ini menggambarkan bagaimana wakil harus melaksanakan tugas yang diberikan dengan amanah.

Konsep wakalah dalam pengurusan zakat telah digunakan sejak zaman perkembangan awal Islam lagi. Amalan Rasulullah SAW yang melantik dan mengutuskan wakilnya bagi mengutip dan mengagihkan zakat membuktikan konsep ini telah diterapkan baginda secara meluas (Muhsin & Suhaili, 2021). Hal ini sebagaimana dijelaskan melalui hadis yang bermaksud:

Dari Abu Humaid As-Saidi RA berkata: "Rasulullah SAW mengambil pekerja seorang lelaki untuk mengurus zakat dari suku Asad dengan menguruskan pelbagai sedekah Bani sulaim. Lelaki itu dipanggil dengan sebutan Ibnu al-Lutbiyyah. Tatkala lelaki itu datang, maka baginda pun memeriksanya (mengauditnya)"

(Hadis Riwayat Bukhari, Hadis No. 1500)

Selepas kewafatan baginda, para sahabat telah meneruskan amalan ini dengan melantik wakil bagi mengutip dan mengagihkan zakat di wilayah jajahan Islam yang semakin besar (Abd Aziz, 1993). Hal ini menunjukkan bahawa pemerintah memiliki hak dalam menguruskan zakat sama ada mengutip dan mengagihkannya sendiri atau melantik wakil bagi memikul tanggungjawab tersebut.

Konsep wakalah dalam pengurusan zakat di Malaysia telah bermula sebelum zaman kolonial lagi apabila sultan atau raja mewakilkan imam dan guru agama untuk mengutip zakat serta mengagihkannya kepada penduduk tempatan (Abdul Aziz, 1993). Selepas era penjajahan, urusan zakat dikekalkan di bawah bidang kuasa sultan dan raja melalui peranan yang dimainkan oleh institusi zakat negeri. Malah perlaksanaannya diteruskan melalui amalan melokalisasi pengurusan zakat di tempat yang menjadi tumpuan masyarakat seperti masjid dan institusi pendidikan (Muhammad Rizal, Hairunnizam & Sanep, 2017).

Sejak dahulu, amalan wakalah dalam pengurusan zakat telah memberi manfaat yang besar kepada masyarakat Islam khususnya golongan pembayar zakat dan asnaf. Ia merupakan inisiatif terbaik yang menghubungkan institusi zakat dengan masyarakat setempat melalui peranan wakil amil yang lebih dekat dan dikenali ramai. Ini secara tidak langsung meningkatkan kecekapan kutipan dan agihan zakat seperti mana yang telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan zaman para sahabat baginda (Azman, Hairunnizam & Mahazan, 2019).

3. METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif yang dijalankan melalui temu bual semi struktur dan tinjauan literatur. Seramai empat orang pegawai zakat Politeknik Ungku Omar yang berpengalaman luas dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat telah ditemu bual bagi mendapatkan maklumat mengenai amalan konsep wakalah dalam pengurusan zakat di institusi berkenaan. Kaedah pengumpulan data ini disokong oleh data sekunder berupa dokumen bertulis seperti artikel jurnal, kertas prosiding, laporan tahunan dan sebagainya.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pelaksanaan konsep wakalah di peringkat institusi pengajian tinggi bermula pada tahun 1998 apabila Lembaga Zakat Selangor (LZS) melantik Institut Teknologi Mara (ITM) bagi mengendalikan urusan kutipan zakat dalam kalangan kakitangan seterusnya mengagihkan satu perdua ($\frac{1}{2}$) bahagian daripadanya kepada pelajar asnaf di institusi berkenaan (Baharuddin Sayin, 2014; Muhammad Rizal, Hairunnizam & Sanep, 2017). Amalan ini kemudiannya dijadikan model untuk dilaksanakan di institusi pengajian tinggi lain di seluruh negara.


4.1 Konsep Wakalah Pengurusan Zakat Politeknik Ungku Omar

Sebagai sebuah politeknik yang memiliki pelajar dan kakitangan yang ramai, Politeknik Ungku Omar (PUO) merupakan di antara institusi pengajian tinggi negeri Perak yang pertama merintis kerjasama dengan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) untuk menubuhkan sebuah Tabung Amanah Zakat PUO (TAZPUO). Ia merupakan satu langkah proaktif dalam usaha membela kabajikan pelajar yang sering terbeban dengan masalah kewangan dan kos sara hidup di institusi tersebut (Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak & Politeknik Ungku Omar, 2013).

4.1.1 Latar Belakang Tadbir Urus Zakat di PUO

Amalan konsep wakalah pengurusan zakat di PUO secara rasminya bermula pada tahun 2012 melalui penubuhan sebuah Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat yang dianggotai oleh pegawai kanan politeknik dan pegawai MAIPk. Pada tanggal 7 Mac 2013, PUO telah memeterai perjanjian wakalah dengan MAIPk untuk menjalankan fungsi mengutip zakat harta daripada kakitangan, koperasi dan anak syarikat PUO bagi pihak MAIPk. Sebagai timbal balas, PUO menerima empat per lapan ($\frac{4}{8}$) bahagian daripada hasil kutipan tersebut, yang mana tiga per empat ($\frac{3}{4}$) adalah untuk diagihkan kepada asnaf miskin, gharimin dan fisabilillah, manakala satu per empat ($\frac{1}{4}$) bahagian lagi adalah upah amil (Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak /Politeknik Ungku Omar, 2013).

Rajah 1. Kaedah Kutipan Zakat dan Agihannya kepada Asnaf di PUO



Sebuah unit eksekutif yang dikenali Unit Zakat dan Wakaf (UZWA) telah ditubuhkan bagi mengendalikan operasi kutipan dan agihan zakat di PUO. Pada peringkat awal, petugas-petugas UZWA adalah dilantik dalam kalangan pensyarah dan pegawai kebajikan jabatan sahaja. Kini unit ini beroperasi dengan sejumlah pegawai yang dibantu oleh pelajar-pelajar latihan industri yang diberikan eluan khas. Kebanyakan mereka telah berpengalaman mengendalikan urusan zakat serta dilantik sebagai amil oleh MAIPk (Amir Fariz, 2020).

4.2 Inisiatif UZWA dalam Tugasan Kutipan Zakat

Sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah unit dalam institusi kerajaan, UZWA telah menerapkan pengurusan zakat profesional dengan menampilkan imej korporat dan menerapkan amalan inovatif dalam proses kutipan zakat. Bagi memastikan urusan tersebut berjalan lancar, amil yang dilantik telah melalui proses latihan yang disediakan MAIPk dan digerakkan secara agresif dengan mengamalkan semangat kerjasama berpasukan. Setiap hari mereka ditugaskan untuk menyampaikan dakwah dan konsultasi zakat, menguruskan pemasaran zakat, mengira serta mengutip zakat daripada kakitangan dan ahli keluarga (Abdul Mubarak, 2020). Perkhidmatan ini disediakan sama ada melalui kemudahan kaunter tetap amil, kaunter bergerak atau temujanji di pejabat pembayar zakat. Pelbagai inisiatif telah dilakukan UZWA bagi meningkatkan hasil kutipan zakat. Diantaranya ialah:

a. Kempen Potongan Gaji Bulanan

Amil zakat turun ke jabatan-jabatan akademik bagi menyampaikan taklimat pembayaran zakat melalui potongan gaji secara bulanan. Kempen ini menyasarkan kakitangan yang belum membayar zakat dan kakitangan yang bercadang untuk menambah potongan gaji bulanan. Selain menyampaikan taklimat, amil turut membantu mempermudahkan urusan potongan gaji di peringkat unit kewangan politeknik.

b. Kempen Sempena Perhimpunan Bulanan

UZWA dengan kerjasama MAIPk mempromosikan kewajipan zakat melalui slot ceramah yang disediakan semasa majlis perhimpunan bulanan kakitangan. Selain menyampaikan ceramah, mereka turut mengambil kesempatan dengan membuka ruang pameran dan kaunter bagi tujuan konsultasi dan menjawab pertanyaan berkaitan pembayaran zakat, skim bantuan, dan cara permohonan.

c. Kempen Melalui Media Sosial

Selain mempromosikan pembayaran zakat melalui ceramah dan taklimat secara bersemuka, UZWA turut berkempen secara atas talian di media-media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram. Kaedah promosi ini dilakukan melalui penerbitan bahan pengiklanan yang ringkas dan kreatif di samping menyelitkan unsur-unsur kerohanian seperti solat, puasa, sirah, akhlak dan motivasi.

c. Mewujudkan Pelbagai Saluran Pembayaran Zakat

Kutipan zakat dalam kalangan kakitangan PUO bukan sekadar pembayaran secara potongan gaji atau tunai di kaunter amil sahaja, malah pelbagai kaedah lain seperti pembayaran menggunakan cek, pindahan wang, dan kad kredit turut diperkenalkan. Beberapa kaedah pembayaran baharu yang inovatif seperti internet portal dan e-dompet sedang diterokai bagi memudahkan kakitangan menuaikan kewajipan mereka.

4.3 Pencapaian dalam Kutipan Zakat Tahunan

Pelaksanaan konsep wakalah telah memberi impak yang besar kepada prestasi kutipan zakat di PUO. Ini kerana, kempen dan kaedah pembayaran yang diperkenalkan telah mempengaruhi trend pembayaran zakat dalam kalangan kakitangan (Juhaidie Zamani, 2020). Pencapaian ini digambarkan seperti jadual berikut:

Jadual 1. Prestasi Kutipan dan Bilangan Pembayar Zakat di PUO Tahun 2013 – 2020

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah Kutipan Zakat Tahunan (RM)	97,171.02	199,732.48	215,898.02	216,805.84	233,626.76	337,048.34	407,957.20	432,483.74
Peratus Peningkatan	105.5%	7.8%	0.4%	55.5%	14.2%	5.2%	6.8%	

Kutipan (%)							
Bil.							
Pembayar zakat	108	139	147	153	175	236	255
Peratus Peningkatan Pembayar Zakat (%)	28.7	5.8	4.1	14.4	34.9	8.1	5.1

Sumber: Laporan Kutipan dan Agihan Zakat PUO 2013-2020

Jadual 1 di atas menunjukkan hasil kutipan zakat PUO yang terkumpul adalah berjumlah RM 2,140,732.40. Peningkatan jumlah kutipan yang ketara dicatatkan iaitu sebanyak 105 peratus pada tahun 2014 dan 55.5 peratus pada tahun 2017 berpunca daripada kutipan zakat perniagaan Koperasi PUO Ipoh Berhad yang memberangsangkan serta pertambahan bilangan pembayar zakat pada tahun tersebut (Amir Fariz, 2020). Hal ini membuktikan amalan konsep wakalah pengurusan zakat memberi kesan yang signifikan dalam meningkatkan kesedaran serta kepercayaan kakitangan setiap tahun. Namun, usaha mempromosikan zakat secara berterusan dengan strategi pemasaran baharu yang lebih efektif perlu dilakukan bagi meningkatkan bilangan pembayar zakat semasa. Hal ini kerana bilangan tertinggi pembayar zakat yang dicatatkan tersebut hanya mewakili 50 peratus daripada keseluruhan bilangan kakitangan muslim yang berjumlah 542 orang (Amir Fariz, 2020).

4.4 Prinsip Agihan Zakat

Operasi agihan zakat di PUO adalah tertakluk kepada perjanjian yang telah dimeterai iaitu hanya melibatkan agihan kepada asnaf miskin, ghorimin dan fisabilillah sahaja. Terdapat tiga prinsip asas agihan yang telah ditetapkan, iaitu agihan yang berasaskan prinsip syariah, agihan menjamin kelestarian kecemerlangan asnaf dan agihan berpusatkan pembangunan jati diri asnaf (Abdul Mubarak, 2020). Ketiga-tiga prinsip asas ini diadun agar dapat mencapai objektifnya dalam menunaikan tanggungjawab kepada golongan asnaf yang berhak serta meningkatkan penghayatan agama dalam kalangan mereka.


Rajah 2. Prinsip Asas Agihan Tabung Amanah Zakat PUO



Agihan zakat di PUO adalah dilakukan bagi memenuhi pelbagai jenis keperluan asnaf. Terdapat enam jenis skim bantuan disediakan kepada asnaf miskin dan ghorimin iaitu bantuan yuran pengajian (per semester), bantuan yuran pengajian (permulaan), bantuan sara hidup, dan bantuan peralatan pembelajaran atau buku. Permohonannya adalah dibuka sepanjang semester secara atas talian dengan memerlukan pemohon melengkapkan butiran peribadi dan pendapatan keluarga. Calon asnaf yang layak dan menepati had kifayah akan dipanggil

temuduga bagi mengesahkan maklumat yang telah diberikan serta menilai tahap keperluan mereka. Selain itu, terdapat juga insentif kecemerlangan pelajar di bawah asnaf fisabilillah untuk pelajar yang mencapai keputusan cemerlang setiap semester. Insentif ini diberikan secara pukal melalui jabatan akademik untuk menghargai kecemerlangan pelajar berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Rajah 3. Skim-Skim Agihan Zakat Mengikut Jenis Asnaf



Selain itu, agihan zakat di PUO menekankan aspek pembangunan jati diri asnaf melalui pembiayaan kos program yang berbentuk peningkatan kecemerlangan akademik, motivasi, pembangunan bakat, keusahawanan, dan kepimpinan. Program-program ini dirangka dan dilaksanakan oleh Pusat Islam dan jabatan akademik bagi meningkatkan semangat dan kesedaran pelajar untuk menjadi insan yang berakhlaq mulia, cemerlang dan berdaya saing. Namun begitu, pembiayaannya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan iaitu perlu menerapkan nilai murni serta bebas daripada unsur yang bertentangan syarak sepanjang perlaksanaannya.

Jadual 2. Kategori Agihan Zakat serta Syarat Permohonan di PUO


Bil	Kategori Agihan	Syarat Permohonan
1.	Asnaf miskin	i. Beragama Islam ii. Warganegara Malaysia iii. Pendapatan keluarga tidak melebihi had kifayah iv. Tidak mendapat bantuan dari mana-mana pihak, atau mendapat bantuan tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan diri
2.	Asnaf Gharimin	i. Beragama Islam ii. Berhutang untuk keperluan asasi bagi diri dan menepati hukum syarak iii. Berhutang akibat bencana alam iv. Berhutang daripada menyelesaikan yuran pengajian yang tertunggak disebabkan oleh kekurangan kemampuan ibu bapa atau penjaga.

-
- | | |
|-----------------------|--|
| 3. Asnaf Fisabilillah | i. Beragama Islam
ii. Bantuan bagi meningkatkan taraf keintelektualan pelajar
iii. Bantuan bagi usaha dakwah dan mengukuhkan akidah umat Islam
iv. Bantuan bagi menampung kos aktiviti yang tidak melanggar syariat Islam |
|-----------------------|--|
-

Sumber: Laporan Kutipan dan Agihan Zakat 2014

Jadual 2 menunjukkan syarat permohonan yang ditetapkan oleh UZWA untuk agihan zakat kepada asnaf miskin, asnaf gharimin dan asnaf fisabilillah. Syarat-syarat ini disediakan selari dengan panduan yang dikeluarkan oleh MAIPk bagi memastikan kaedah agihan menepati ketetapan syarak dan keperluan semasa asnaf. Permohonan bagi calon asnaf miskin dan gharimin adalah dinilai berdasarkan borang permohonan, dokumen sokongan dan keputusan temu duga oleh amil. Manakala bagi asnaf fisabilillah pula adalah berdasarkan borang permohonan dan kertas cadangan program. Semua permohonan adalah secara atas talian dan akan diteliti terlebih dahulu oleh pegawai UZWA sebelum diluluskan di peringkat jawatankuasa TAZPUO (Abdul Mubarak, 2020).

Rajah 4. Perbandingan Carta Alir Sebelum dan Selepas Penggunaan Aplikasi eZakatPUO



Pada tahun 2018 UZWA telah membangunkan aplikasi permohonan zakat atas talian yang dikenali sebagai eZakatPUO bagi menggantikan permohonan secara manual (Sharifah Lailaton, Zanidah & Amir Fariz, 2021). Ia bertujuan untuk menambah baik kelancaran sistem agihan serta mempercepatkan proses penyampaiannya dengan mengurangkan karenah birokrasi

dalam pengurusan dan teknikal. Hasilnya, rajah 3 di atas menunjukkan tempoh memproses permohonan zakat yang berjaya dipendekkan kepada empat minggu sahaja daripada tempoh tujuh minggu sebelumnya. Inovasi ini adalah sebahagian daripada komitmen UZWA untuk meringankan beban asnaf dan memudahkan urusan pendokumentasian di samping mengekalkan kelestarian alam dengan mengurangkan penggunaan kertas.

4.5 Perkembangan Agihan Zakat Kepada Asnaf

Peningkatan hasil kutipan dan pertambahan bilangan pembayar zakat setiap tahun telah mendorong kepada peningkatan jumlah agihannya yang secara tidak langsung telah memberi manfaat kepada ramai asnaf seperti yang digambarkan dalam jadual 3 dibawah.

Jadual 3. Jumlah Agihan dan Bilangan Asnaf yang Menerima Zakat di PUO bagi Tahun 2013-2020

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah Agihan Zakat Tahunan (RM)	48,585.5 1	99,866.2 4	107,949.0 1	108,402.9 2	168,524.1 6	192,465.5 0	202,568.1 6	216,241.8 7
Bil. Asnaf (Asnaf Miskin & Gharimin sahaja)	146	183	197	211	259	283	294	321
Peratus Peningkatan Asnaf (%)	25.3	7.7	7.1	22.7	9.3	3.9	9.2	

Sumber: Laporan Kutipan dan Agihan Zakat PUO 2013-2020

Jadual 3 menunjukkan jumlah agihan dan bilangan asnaf yang menerima zakat di PUO bagi tahun 2013-2020. Secara relatifnya, peningkatan jumlah agihan zakat telah membuka peluang dalam peningkatan bilangan asnaf setiap tahun terutama pada tahun 2014 iaitu sebanyak 25.3 peratus dan tahun 2017 iaitu sebanyak 22.7 peratus. Perkembangan ini disumbang oleh usaha penambahbaikan skim-skim agihan yang ditawarkan dan inisiatif turun padang oleh amil dalam mengenalpasti lebih ramai asnaf seperti lawatan ke rumah sewa pelajar, kempen amil prihatin dan kolaborasi bersama penasihat akademik (Amir Fariz, 2020). Secara keseluruhannya, sejak tahun 2013 hingga 2020, sebanyak RM 1.14 juta telah diagihkan kepada 1 894 orang asnaf (tidak termasuk asnaf fisabilillah).

5. CADANGAN DAN KESIMPULAN

Sistem pengurusan zakat yang efisien amat diperlukan bagi memberi penyelesaian langsung terhadap kesempitan hidup yang dialami oleh asnaf. Amalan konsep wakalah dalam pengurusan zakat dilihat salah satu langkah terbaik dalam meningkatkan kecekapan kutipan dan agihan zakat khususnya di IPT yang mempunyai jumlah kakitangan dan pelajar yang ramai. Kerjasama di antara PUO dan MAIPk dalam amalan konsep wakalah ini telah memberi kesan dalam usaha membela nasib asnaf.

Peningkatan hasil kutipan dan jumlah pembayar zakat setiap tahun membuktikan amalan konsep ini diaplikasikan dengan sebaiknya dan diterima oleh pembayar zakat. Usaha PUO dalam memperkasa agihan zakat melalui penawaran skim-skim bantuan mengikut keperluan asnaf sewajarnya mendapat perhatian dan dicontohi oleh IPT yang lain. Namun begitu, terdapat beberapa cadangan bagi menambah baik amalan konsep wakalah di PUO:

- a) Amil perlu lebih agresif dalam merancana usaha menambah bilangan pembayar zakat kerana bilangan pembayar zakat tertinggi sehingga kini hanya mewakili 50 peratus daripada keseluruhan kakitangan muslim.
- b) Walaupun urusan zakat adalah hak prerogatif MAIPk, namun Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) perlu dilibatkan sama dalam menentukan polisi dan hala tuju pengurusan zakat PUO. Ini kerana, sebagai sebuah institusi yang tidak diperbadankan (seperti universiti awam), UZWA terikat dengan prosedur kewangan ketat yang ditetapkan oleh pihak kementerian. Justeru itu, penglibatan aktif pihak KPT dan JPPKK, akan bantu meningkatkan ketelusan dan kecekapan pengurusan zakat PUO.
- c) Melebarkan skop agihan zakat agar tidak hanya tertumpu kepada asnaf pelajar sahaja. UZWA dicadangkan untuk membuka permohonan serta agihan kepada asnaf miskin dalam kalangan kakitangan.
- d) Menggalakkan lebih banyak usaha penyelidikan dan inovasi bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan amil.

Cadangan penambahbaikan ini diharapkan dapat melancarkan lagi amalan konsep wakalah dalam pengurusan zakat di PUO serta mencapai objektif pelaksanaannya pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abd Aziz Muhammad. (1993). *Zakat & Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Al-Bukhari, Muhammed Ibn Ismaiel. (1997). *The Translation of the Meanings of Sahih Al-Bukhari*. Terjemahan Muhammad Muhsin Khan. Riyadh: Darussalam.
- al-Jaziri. ^cAbd al-Rahman bin Muhammad ^cAud. (2001). *al-Fiqh ^cala al-Mazāhib al-Arba^cah*, Jld. 3. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar, Hlm. 123.
- al-Maraghī, Ahmad Mustoфа. (2001). *Tafsir al-Maraghī*. Jld. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiah.
- al-Nawawī, Abu Zakarīyah Yahya bin Sharf. (2003). *Raudah al-Ṭalibīn*. J. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiah. Hlm. 522.
- al-Zuhailī, Wahbah Mustafa. (1995). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jil. 4. Diterjemah oleh Syed Ahmad Syed Hussain et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ammar Badruddin Romli & Mohd Noor Daud. (2021). Peningkatan Kemahiran dan Kualiti Kerja Amil melalui Pembangunan Model Kompetensi Amil Zakat. *TIJARI International Journal of Islamic Economics, Business and Entrepreneurship* 1(1), 01-17.
- Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2014). Kontrak Wakalah dalam Agihan Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dalam Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat. Hairunnizam Wahid et al. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Auni Abdullah. (2012). *Lintasan Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Azman Ab. Rahman, Hairunnizam Wahid dan Mahazan Abdul Mutalib. (2019). *Tadbir Urus Pengurusan Zakat Bagi Institusi Masjid di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Baharuddin Sayin, S. Salahudin Suyurno, & Nazrudin Hashim. (2008). Pengurusan Zakat Model UiTM. Shah Alam: Pusat Penerbit Universiti UiTM.
- Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad. (2009). Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). Hlm. 148.
- Ibn Manzūr. (1997). *Lisān al-^cArab*. J. 15. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-^cArabi. Hlm. 387.
- Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat PUO. (2013). Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Tahun 2013. Ipoh: PUO.
- Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat PUO. (2014). Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Tahun 2014. Ipoh: PUO.
- Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat PUO. (2015). Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Tahun 2015. Ipoh: PUO.

- Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat PUO. (2016). Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Tahun 2016. Ipoh: PUO.
- Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat PUO. (2017). Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Tahun 2017. Ipoh: PUO.
- Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat PUO. (2018). Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Tahun 2018. Ipoh: PUO.
- Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat PUO. (2019). Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Tahun 2019. Ipoh: PUO.
- Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat PUO. (2020). Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Tahun 2020. Ipoh: PUO.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid & Rachel Chan Suet Kay. (2018). Dasar-Dasar ‘Top-Down’ dan Mekanisme Penyatuan Kaum. Proceeding of the International Colloquium on Integration Platform. (15 November 2018).
- Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) & Politeknik Ungku Omar. (2012). Perjanjian Perlantikan Amil Zakat Harta. Ipoh: MAIPk.
- Majma’ al-Lughah al-‘Arabīah. (1985). al-Mu‘jam al-Wasīt. Jil. 2. Hlm. 1097.
- Muhammad Rizal Jalil, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2017). Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan. Journal of Fatwa Management and Research. Vol. 10(1). Hlm. 51–72.
- Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif. (2021). Limitasi Penggunaan Konsep Wakalah Dalam Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia. E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi. Vol. 8(1). Hlm 198-220.
- Raja Muhd 'Azman Raja Azam & Muhamad Noor Habibi Long. (2019). Kutipan Zakat Menerusi Konsep wakalah: Satu Sorotan Awal. Proceeding of the International Conference on Zakat, Tax, Waqf and Economic Development (1-2 December 2019).
- Sharifah Lailaton Khadijah Syed Abdullah, Zanidah Ithnin & Amir Fariz Che Man. (2021). Sistem eZakat di Politeknik Ungku Omar. Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial. Vol. 7(3), Hlm. 1.

Temu bual

- Temu bual Bersama Tuan Amir Fariz Che Man, Ketua Unit Zakat dan Wakaf (UZWA) Politeknik Ungku Omar dan Tuan Haji Abdul Mubarak Jaafar, Pegawai Agihan Zakat di Pejabat Operasi UZWA pada hari Jumaat, 6 Mac 2020 jam 10.00 pagi.
- Temu bual Bersama Tuan Juhaidie Zamani Jamaludin, Pengerusi Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat Politeknik Ungku Omar di Pejabat Timbalan Pengarah Sokongan Akademik pada hari Selasa, 10 Mac 2020 jam 2.30 petang.